

KATA SAYA

Oleh
Ku Seman
Ku Hussain



RABU lalu, sekali lagi kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di enam negeri. Kali pertama pada Mac tahun lalu, kemudian diteruskan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan PKPP. Dalam keadaan yang mengehadkan radius pergerakan, banyak majikan membenarkan sistem bekerja dari rumah.

Frasa 'bekerja dari rumah' atau *work from home* mula menjadi sebutan sejak pelaksanaan PKP, 18 Mac tahun lalu. Frasa ini seolah-olah baharu menjelma, padahal di banyak negara lain, bekerja dari rumah sudah menjadi amalan biasa bukan sahaja musim pandemik.

Bagi rakan-rakan saya dalam kewartawanan, bekerja di luar ruang pejabat bukan suatu yang baharu. Pejabat mereka di merata-rata, restoran mamak, bistro malah gerai Makcik Kiah pun menjadi tempat bekerja.

Walaupun begitu, kualiti hasil kerja mereka tidak pernah susut malah lebih baik. Mereka terselamat daripada terdeda dengan kesesakan di Kuala Lumpur yang kenderaannya bergerak seperti 'siput babi'. Penguasa Kuala Lumpur bertukar ganti, 'siput babi' tidak ada.

PKP secara tidak langsung mengubah cara bekerja yang sebenarnya lebih mudah tetapi dipayahkan oleh sesetengah ketua yang menolak sesuatu yang baharu. Terbukti ada banyak bidang yang boleh dilakukan di luar ruang pejabat. Pejabat norma baharu ada di dalam komputer riba dan telefon pintar.

Tetapi sesetengah majikan masih lagi memahami definisi 'bekerja' ialah berada di depan ketua di pejabat. Padahal dengan teknologi komunikasi ada kerja boleh dibuat di mana-mana tanpa menjejaskan produktiviti dan kualiti. Inilah norma baharu di banyak negara maju.

MANDOR

Keberadaan di tempat kerja bukan lagi mutlak. Menjaga masa datang dan



MELAKSANAKAN sistem bekerja dari rumah boleh mengurangkan kepadatan ruang kerja di pejabat. - GAMBAR HIASAN/SHIDDIQIIN ZON

Definisi 'bekerja' era digital

“**Sesetengah majikan masih lagi memahami definisi 'bekerja' ialah berada di depan ketua di pejabat.**”

balik sudah ketinggalan pada era bekerja yang diukur produktiviti bukan keberadaan di pejabat. Menganggap semua bidang kerja hanya di pejabat samalah dengan mandor dari India upahan British yang menjaga buruh di estet.

Melaksanakan sistem bekerja dari rumah antara ciri-ciri pengurusan yang pintar. 'Pintar' dalam konteks ini ialah mudah dilaksanakan, meningkat perolehan dan mengurangkan kos dan beban kemanusiaan.

Ini lebih baik daripada mengencilkan operasi

(*downsizing*) yang hanya boleh kurangkan kos tetapi pada masa sama mengencilkan perolehan. Lebih teruk, mengarahkan bekerja secara *multitasking* untuk memerah keringat secara tidak bermoral.

Kajian yang dibuat Gallup di Amerika Syarikat mendapati 33 peratus individu yang bekerja tiga atau empat hari di rumah berasa berkeadaan bekerja' seperti di pejabat. Malah dengan inisiatif pekerja sendiri mewujudkan persekitaran tempat kerja (*work station*) seperti pejabat.

Menurut *American Economic Review*, bekerja di rumah menguntungkan majikan. Ini kerana secara purata, gaji akan dipotong sekitar enam peratus bagi yang bekerja di rumah. Majikan dapat menjimatkan kos gaji tetapi kualiti perolehan yang lebih baik.

Pekerja pula menikmati penjimatan kos pengangkutan dan belanja di tempat kerja dan yang

penting, tidak ada masa terbuang di atas jalan. Terlalu lama berada di atas jalan mencetuskan tekanan. Pekerja yang tertekan menjejaskan kualiti kerja.

Masa di atas jalan boleh dimanfaatkan untuk keluarga. Harus diingat, masa di atas jalan bukan masa bekerja. Inilah masa yang digunakan untuk bersama-sama keluarga. Dari segi psikologi, keluarga yang harmoni melahirkan pekerja berkualiti. Majikan mesti membuka mata dengan hal-hal begini.

Misalnya, untuk masuk kerja pukul 9 pagi tetapi banyak tempat di Lembah Klang sesak, seseorang perlu bangun selewat-lewatnya pukul 6 pagi. Ini termasuk menguruskan penghantaran anak ke tempat jagaan dan masa di atas jalan. Waktu balik pukul 6 petang akan sampai di rumah paling awal 8 malam.

Tahap kesihatan berkait rapat dengan keadaan di tempat kerja. Sesetengah pejabat terlalu padat dan tidak cukup kitaran udara bersih, demikian menurut *American Lung Association*. Melaksanakan sistem bekerja dari rumah boleh mengurangkan kepadatan ruang kerja di pejabat. Yang bekerja di pejabat mendapat manfaat daripada rakan-rakan yang bekerja dari rumah.

Ini bermakna mengurangkan kesesakan ruang kerja membolehkan produktiviti. Menurut *National Bureau of Economic*

Research, tahap udara tercemar yang tinggi menjejaskan produktiviti bagi pekerja kolar putih di dalam pejabat. Majikan perlu bijak mengatasi masalah ini.

ANJAL

Lama sebelum wabak Covid-19 dan PKP, majikan di negara-negara maju memulakan sistem bekerja anjal, menggalakkan bekerja dari rumah dan memanfaatkan semaksimalnya kecanggihan teknologi komunikasi, sudah lama. Cuma sesetengah majikan di negara ini masih lambat menerima perubahan.

Tahun 2020 boleh dianggap sebagai detik mula perubahan secara besar-besaran dalam kalangan majikan untuk menyesuaikan dengan kecanggihan teknologi terutama komunikasi. Wabak Covid-19 adalah pemangkin kepada alam dan cara bekerja yang baharu.

Semasa Covid-19 tahun lalu, penggunaan aplikasi Zoom untuk mengadakan sesi mesyuarat atau diskusi maya meningkat sebanyak 131.1 peratus. Inilah kecanggihan teknologi yang menjadi ekosistem pada sistem bekerja dari rumah. Ini belum lagi teknologi biasa dalam grup WhatsApp atau Telegram. Setiap detik boleh berkomunikasi.

Pembangunan sumber manusia menjadi agenda penting sektor pekerjaan di negara-negara maju. Majikan sentiasa mencari kaedah memberikan keselesaan dan meringankan keperluan pekerja. Masa yang sama tidak merugikan malah lebih menguntungkan kedua-dua pihak.

Di negara kita, PKP memberikan norma baharu kepada semua orang - termasuk majikan dan pekerja. Norma baharu bukan sekadar mencuci tangan dan menjaga jarak fizikal tetapi sistem kerja yang anjal, bekerja dari rumah dan di luar pemantauan.

Kalau masih ada ketua yang mengukur pencapaian pekerja dengan keberadaan di pejabat, mereka sebenarnya hidup pada zaman yang salah. Sepatutnya mereka menjadi mandor dari India yang dibawa oleh penjajah British untuk menjaga buruh di estet getah.

PENULIS ialah Editor Kuseman.com.